

ASPIRASI FPP

FAKULTI PENGURUSAN DAN PERNIAGAAN, UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN, KAMPUS SEREMBAN
ISSN 2735-0525

EDISI 1, 2024

REKABENTUK DALAMAN *Pengaruh Psikologi Pelanggan*

Kejayaan Media Sosial Dalam Industri
Perniagaan:
Konteks Perniagaan Viral Menuju Era IR4.0

Pengubahan Wang & Pengelakan Cukai:
Kesan Terhadap Ekonomi, Sosial dan Politik

PASCA PANDEMIK:
10 Idea Trending
Perniagaan Kecil di Malaysia

SYAQIST

PENERAJU

**CADAR PATCHWORK
PREMIUM**

**TEKNOLOGI DALAM PERNIAGAAN
RAHMAT ATAU SUMPAHAN?**

EKONOMI

PENGUBAHAN WANG & PENGELAKAN CUKAI: KESAN TERHADAP EKONOMI, SOSIAL DAN POLITIK

Nur Fadhlina Zainal Abedin & Dr Faridah Pardi


Jenayah kewangan seperti penggubahan wang dan pengelakan cukai, telah menjadi ancaman besar kepada kemakmuran ekonomi sebuah negara.

Kegiatan ini bukan sahaja menjelaskan atas pembangunan ekonomi yang mampu tetapi juga merosakkan struktur sosial akibat ketidakadilan, di mana akhirnya akan mempengaruhi kestabilan dan integriti sistem kewangan secara keseluruhan.

Jenayah kewangan ini memberi implikasi langsung terhadap pendapatan dan perbelanjaan kerajaan melalui kehilangan pendapatan cukai. Akibatnya, pembangunan infrastruktur terhalang dan menjelaskan keadilan sosial serta melebarkan jurang ketidaksetaraan.

Penggubahan Wang Haram

Pengubahan wang haram adalah proses di mana keuntungan daripada aktiviti jenayah digubah semula menjadi aset yang kelihatan sah dalam undang-undang. Proses ini melibatkan tiga tahap utama seperti digambarkan dalam Rajah 1. Pertama ialah penempatan iaitu wang dari kegiatan haram dimasukkan ke dalam sistem kewangan. Kedua adalah perlapisan, iaitu aktiviti menggunakan transaksi kewangan berlapis menggunakan akaun perbankan berbeza untuk mengaburi sumber asal wang tersebut. Manakala proses terakhir adalah integrasi. Proses terakhir ini menjadikan wang-wang haram tersebut seolah-olah diperoleh secara sah dengan cara pembelian aset atau sumbangan amal. Ramai beranggapan bahawa pengubahan wang haram hanya melibatkan rasuah, sedangkan aktiviti ini datang dari pelbagai sumber jenayah antaranya seperti penipuan, pemerdagangan manusia dan perdagangan dadah. Penjenayah menjalankan pengubahan wang ini bertujuan untuk mengelakkan pengesanan oleh pihak berkuasa bagi membolehkan mereka menikmati hasil keuntungan tanpa risiko tangkapan dan rampasan.



Rajah 1: Proses Penggubahan Wang Haram



Pengelakan Cukai

Selain pengubahan wang haram, pengelakan cukai juga merupakan jenayah kewangan yang serius. Ianya berlaku apabila individu atau syarikat menggunakan cara yang tidak sah untuk mengurangkan jumlah cukai yang sepatutnya dibayar kepada kerajaan. Aktiviti ini menyebabkan kerugian besar kepada pendapatan negara yang pada akhirnya mempengaruhi kemampuan kerajaan untuk membayai perbelanjaan perkhidmatan awam dan projek pembangunan. Akibatnya hasil cukai kerajaan berkurangan seterusnya mengakibatkan kekurangan sumber kewangan untuk pembinaan infrastruktur fasiliti, pendidikan, Kesihatan dan kebijakan sosial. Selain itu, aktiviti pengelakan cukai ini melebarkan jurang ketidaksetaraan dalam masyarakat.

Pengelakan cukai ini sering kali dilakukan melalui pelbagai mekanisme kompleks termasuk manipulasi laporan kewangan, penggunaan syarikat ‘cengkerang’ (shell) untuk menyembunyikan pendapatan, serta pengalihan keuntungan ke negara dengan cukai yang lebih rendah, atau dikenali sebagai tax havens.



Kesan Terhadap Ekonomi, Sosial dan Politik

EKONOMI

1. Kerugian Pendapatan Negara

Kedua-dua aktiviti ini menyebabkan kerugian besar kepada pendapatan kerajaan yang seharusnya digunakan untuk pembiayaan infrastruktur awam, pendidikan, kesihatan, dan perkhidmatan sosial. Ini menyebabkan kerajaan perlu mencari sumber pendapatan alternatif yang sering kali membebankan rakyat biasa, seperti melalui peningkatan cukai barang dan perkhidmatan, atau pemotongan perbelanjaan perkhidmatan awam.

2. Mengganggu Kestabilan dan Integriti Sistem Kewangan

Penggubahan wang haram dapat mengganggu kestabilan pasaran kewangan dengan menyuntik dana yang tidak stabil ke dalam ekonomi. Ini boleh menyebabkan inflasi dan membahayakan kepercayaan pelabur, yang akhirnya mempengaruhi pertumbuhan ekonomi. Pengelakan cukai pula akan mengurangkan dana yang tersedia untuk pelaburan dalam projek pembangunan, merencatkan pertumbuhan ekonomi.

3. Meningkatkan Ketidaksetaraan

Kedua-dua jenayah kewangan ini cenderung memperkayakan segelintir individu atau entiti sahaja, menyebabkan ketidaksetaraan ekonomi dan sosial yang semakin tinggi.

SOSIAL

1. Merugikan Perkhidmatan Awam

Dengan berkurangnya pendapatan kerajaan akibat pengelakan cukai, peruntukan untuk perkhidmatan awam seperti pendidikan, kesihatan, dan kebijakan sosial menjadi terbatas. Ini secara langsung mempengaruhi kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat.

2. Mencipta Ketidakadilan Sosial

Ketika individu dan syarikat besar dapat mengelak daripada membayar cukai atau menyembunyikan pendapatan melalui penggubahan wang, beban cukai cenderung jatuh kepada rakyat biasa, menyebabkan persepsi ketidakadilan dan ketidakpercayaan terhadap sistem.

POLITIK

1. Mengikis Kepercayaan Terhadap Institusi

Kesedaran awam tentang penggubahan wang haram dan pengelakan cukai, terutamanya yang melibatkan individu atau syarikat berprofil tinggi, dapat mengurangkan kepercayaan rakyat terhadap keadilan dan integriti sistem politik dan kewangan. Ini boleh mengakibatkan ketidakstabilan sosial dan politik.

2. Menggalakkan Rasuah

Jenayah kewangan sering kali berkait rapat dengan rasuah. Ia dilakukan oleh pegawai dan individu berpengaruh menggunakan kedudukan mereka untuk mengelak dari tindakan undang-undang atau mendapatkan keuntungan peribadi.

Penggubahan wang haram dan pengelakan cukai merupakan dua bentuk jenayah kewangan yang mempunyai kesan negatif yang ketara terhadap negara. Kesannya meliputi pelbagai aspek ekonomi, sosial, dan politik. Langkah-langkah seperti peningkatan ketelusan dan pertukaran maklumat antara negara-negara telah diperkenalkan untuk mengatasi masalah ini. Walaupun memerangi jenayah kewangan ini sangat mencabar, namun usaha berterusan dan kerjasama global seharusnya dipertingkatkan. Kerjasama dan undang-undang yang ketat dapat mengekang jenayah kewangan ini dari terus berleluasa dalam memastikan pembangunan ekonomi yang mampan dan adil untuk semua lapisan Masyarakat.